

Kerajaan terus perangi rasuah di semua peringkat

Daripada ROZAMAN ISMAIL

PERTH 21 Feb. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan meneruskan usaha memerangi rasuah dengan memberi tumpuan kepada pendekatan pencegahan melibatkan semua peringkat.

Beliau berkata, antaranya ialah dengan mendidik masyarakat pelbagai peringkat termasuk pemimpin, rakyat, kakitangan kerajaan serta pekerja sektor swasta supaya menyemai nilai-nilai membenci rasuah.

Ini kerana katanya, gejala itu terbukti mendatangkan masalah kepada masyarakat dalam apa juga keadaan.

“Pendekatan secara menghukum saja tidak memadai, malah memerlukan masa yang panjang. Kalau kita tumpukan kepada pendekatan sedemikian, bererti kita memerlukan masa yang banyak.

“Saya fikir kita belum lagi dapat mendidik rakyat berhubung nilai membenci rasuah, kalau hanya bertumpu kepada pendekatan mengenakan hukuman.

“Pencegahan ini mesti di semua peringkat, kita mesti benci rasuah kerana ia tidak baik, jangan cuba, tak baik,” katanya ketika sesi soal jawab dengan para pelajar Malaysia di sini hari ini.

Abdullah menegaskan, amalan rasuah mengakibatkan kos perniagaan meningkat dan lebih buruk lagi menimbulkan kekecewaan kepada mereka yang mengamalkannya.

Amalan rasuah kata beliau, banyak menimbulkan masalah dan tiada yang baik pun diperolehi daripada amalan itu dalam apa juga keadaan dan untuk sesiapa pun juga.

“Cara paling baik ialah mengelakkan terus rasuah. Saya harap pelajar, pemimpin, tolong faham bila anda mula bekerja sama ada dengan kerajaan atau swasta, beritahu diri anda berhubung isu rasuah bahawa saya menolak sepenuhnya,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, hasil kepada usaha memerangi rasuah bukan mudah dilihat sebagaimana anggapan banyak pihak.

Beliau berkata, Badan Pencegah Rasuah (BPR) memerlukan bukti kukuh untuk mendakwa seseorang disyaki terlibat dengan rasuah seterusnya dikenakan tindakan sewajarnya.

“Keputusannya tidak semudah orang ramai fikir. Saya tak boleh letak orang dalam penjara atau bawa mereka ke mahkamah, hanya kerana seseorang itu dianggap rasuah.

“Kalau kita lakukan seperti itu kepada dia, tanpa fakta cukup dan kes itu dibawa ke mahkamah, ditolak dan dia menang kes mahkamah dan dibebaskan.

“Orang itu (tertuduh) tak boleh meneruskan hidup kerana dia telah dianggap melakukan kesalahan dan disiarkan dalam akhbar, itu yang akan berlaku. Saya tak boleh meletakkan seseorang dalam bahaya dan menjejaskan kehidupannya,” kata beliau.

Kata Abdullah, pihak berkuasa perlu berhati-hati dalam penyiasatan dan laporan yang di-



ABDULLAH Ahmad Badawi disambut para pelajar Malaysia dari pelbagai universiti di Australia Barat semasa tiba pada majlis jamuan petang bersama Perdana Menteri di sebuah hotel di Perth, Australia, semalam.

— Bernama

buat termasuk ke atas mereka berprofil tinggi.

Menurutnya, BPR telah melakukannya tugas dengan baik dan jika seseorang didapati bersalah, Peguam Negara akan membawa mereka ke mahkamah dan dikenakan tindakan sewajarnya.

“Adalah mudah menuduh kerajaan melindungi orang tertentu. Adalah tidak patut apabila terdapat tanggapan orang ramai

Saya fikir kita belum lagi dapat mendidik rakyat berhubung nilai membenci rasuah, kalau hanya bertumpu kepada pendekatan mengenakan hukuman

seperti itu terhadap rasuah, mereka hanya mahu seseorang di-

hukum,” katanya.

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

— Utusan